

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1993/94**

**JUN 1994**

**RMK 454 - UNDANG-UNDANG 2**

**MASA : ( 3 Jam )**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Empat** Soalan Sahaja.

1. Berikan perbezaan tanggungjawab Kontraktor di bawah Borang Kontrek Binaan PAM (dengan kuantiti) daripada Borang Kontrak Rekabentuk dan Membina (Design and Build).

Sebutkan dokumen-dokumen kontrak yang terlibat. Berikan contoh untuk menjelaskan jawapan anda.

**(100 markah)**

2. Pihak Universiti telah menandatangani Kontrek Binaan dengan Kontraktor dengan menggunakan Kontrek PAM (Dengan Kuantiti) untuk 2 blok asrama. Tempoh pembinaan yang ditetapkan di dalam kontrek adalah 12 bulan dengan amaun RM1,000.00 sehari sebagai gantirugi yang ditaksirkan (liquidated damages) jika kelewatan berlaku. Dua bulan selepas permulaan kerja, keadaan tanah dijumpai tidak sesuai untuk jenis cerucuk yang dicadangkan. Rekabentuk cerucuk hendak diubah dengan akibat penyiapan projek telah menghadapi kelewatan selama lima bulan. Pada akhirnya tempoh kontrek, Kontraktor hanya menyiapkan 70% daripada kerja keseluruhan dan berjaya mencapai penyiapan semua kerja pada hujung bulan ke lapanbelas.

Oleh kerana kelewatan menyiapkan kerja pihak Arkitek telah memberi nasihat kepada Majikan untuk mengenakan gantirugi yang ditaksirkan keatas Kontraktor untuk tempoh selama 180 hari. Buat masa kini, pihak Universiti mula menolak daripada bayaran kemajuan Kontraktor amaun RM2,000.00 sehari untuk kos menyewa rumah-rumah untuk penuntut-penuntut yang tidak diberikan tempat di asrama baru.

Bincangkan hak-hak pihak kontraktor dan Majikan masing-masing.

3. a) Terangkan perbezaan di antara " gantirugi yang ditaksirkan " dengan " penalti ".

**(25 markah)**

- b) Terangkan implikasi - implikasi pengeluaran Sijil Penyiapan Praktikal ( Certificate of Practical Completion ) di dalam konteks Borang Kontrek PAM.

**(25 markah)**

4. Syarikat ABC ialah Kontraktor untuk kerja membina sebuah hotel untuk SK Corporation berdasarkan Kontrek PAM (dengan Kuantiti).

Arkitek telah memberi beberapa arahan pada masa pembinaan antaranya ialah:

- i) Menjalankan kerja pindaan kemasan lantai dan dinding. Oleh kerana kadar untuk kemasan baru tidak disenaraikan di dalam Bil-Bil Kuantiti pihak Kontraktor memberikan syarat kerja pindaan akan dijalankan jika Arkitek menerima sebutharga kadar-kadar Kontraktor Junukur bahan telah memberi pandangan kadar-kadar yang ditawarkan oleh Kontraktor hendaklah dikurangkan sebanyak 20%. Kerja-kerja pindaan tidak dijalankan hingga dua bulan kemudian selepas Kontraktor bersetuju mengurangkan kadar-kadar sebanyak 15%.

- ii) Mengugurkan kerja-kerja genting daripada Kontrek ekoran keputusan kerajaan untuk mengurangkan duti import untuk marbel supaya kerja marbel boleh dijalankan

- a) Terangkan hak-hak dan kewajipan Kontraktor dalam kedua-dua kes ini.

- b) Beri pandangan anda jika Arkitek menasihatkan majikan untuk gantirugi yang ditaksirkan dikenakan ke atas Kontraktor oleh kerana kelewatan yang diakibatkan oleh sikap Kontraktor dalam kes (i) di atas.

**(50 markah)**

5. a) Terangkan bagaimana Kontraktor akan menerima bayaran di bawah Syarat-Syarat Kontrek PAM.
- b) Apakah cara yang terbuka kepada Kontrektor kecil yang dicalonkan (Nominated Sub-Contractors) jika Kontraktor Utama gagal membayar kepada Kontraktor-Kontraktor kecil itu selepas menerima bayaran daripada majikan.

**(50 markah)**

6. Pertikaian telah berlaku mengenai tuntutan Kontraktor untuk gantirugi yang berkaitan dengan lanjutan masa. Tanpa berusaha untuk menyelesaikan tuntutan ini pihak Arkitek mengeluarkan Sijil Akhir manakala pihak Kontraktor mengambil tindakan mahkamah dengan harapan keputusan cepat boleh dicapai.

Memandangkan Borang-Borang Kontrek PAM digunakan di dalam kes ini, terangkan cara-cara yang terbuka kepada pihak majikan untuk mengatasi tindakan Kontraktor ini.

Terangkan juga prosidur yang terlibat sekiranya kedua-dua pihak ingin menyerahkan pertimbangan ini kepada seorang Timbangtara.

**(20 markah)**

-oooOOOooo-